

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 18 RABU 3 MEI, 1967.

1387 رابو 23 محرام

PERCHUMA

Titah ucapan D.Y.M.M. menyambut

usia 10 tahun Radio Brunei



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, yang pada masa ini sedang melawat keseluruh dunia, telah menyampaikan Titah Uchapan Baginda bagi menyambut genap usia sepuluh tahun Radio Brunei.

Titah Uchapan Baginda yang di-alamatkan kepada Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei ada-lah di-siarkan dengan sa-penoh-nya saperti berikut :

"Beta bergembira mendengarkan bahawa pada 2 Mei tahun ini, Radio Brunei akan merayakan Ulang Tahun Yang Ka-Sapuluh-nya. Dalam dunia moden ini, tiada siapa yang menaruh sa-barang waham tentang pengaruh yang amat kuat kerana kebaikan yang boleh di-chapai dengan penyiaran. Sa-lama beberapa tahun, rancangan rancangan yang di-siarkan oleh Radio Brunei telah, bukan sahaja memberi kesukaan dan kesenangan kepada ra'ayat, tetapi juga mereka sentiasa di-ma'alomkan mengenai hal-ehwal tempatan dan dunia dengan jalan Siaran Siaran Berita. Tambahan lagi, banyak rancangan rancangan telah memberi penghargaan yang tinggi nilai-nya pada segi pelajaran dan menjadi perantaraan supaya penduduk sentiasa mengetahui akan rancangan rancangan Kerajaan terhadap kemajuan.

Tidak kurang nilai-nya di-antara rancangan2 terhadap mana Radio Brunei ada-lah bertanggung-jawab, ia-lah rancangan rancangan yang di-anjor oleh Jabatan Ugama. Sesuai-lah bahawa oleh kerana Ugama Islam ada-lah Ugama Negeri ini, maka sa-memang-lah patut ada siaran siaran sa-chara langsung daripada Mesjid Mesjid. Cheramah Cheramah daripada Pegawai2 Jabatan Ugama ada-lah juga tinggi nilai-nya dalam menambahkan lagi ilmu Ugama bagi ra'ayat. Beta bergembira mengetahui bahawa untuk menyampaikan kepada sekalian penduduk di-Negeri ini, maka Radio Brunei ada menyalurkan rancangan rancangan, bukan sahaja dalam Bahasa Melayu, akan tetapi juga dalam Bahasa Inggeris dan Tionghua. Maka sesuai-lah bahawa dalam masa Ulang Tahun Yang Ka-Sapuluh ini, Radio Brunei akan tidak lama lagi, berpindah ka-bangunan yang serba baharu yang akan mengadakan kemudahan2 perlu bagi perkembangan-nya di-masa hadapan. Beta sukachita mengetahui bahawa di-antara rancangan rancangan Radio Brunei pada masa akan datang ia-lah mengadakan satu Perkhidmatan Talivision.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Aiam telah di-lantek menjadi Timbalan Sultan pada masa D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan berangkat ka-luar negeri. Baginda telah berangkat dengan kapal terbang ka-Sinapura pada hari Rabu yang lalu dalam bidang lawatan Baginda mengelilingi dunia.

PERSIDANGAN ECAFE DI-TOKYO MELULUSKAN

16 KEPUTUSAN

BERAKAS. — Rombongan Perwakilan Brunei telah selamat tiba di-Lapangan Terbang Brunei pada petang Juma'at 28 April, 1967 sa-telah menghadiri Persidangan Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE) yang telah berlangsung di-Tokyo, Jepun mulai pada 3 April, 1967 hingga 17 April, 1967.

Persidangan tersebut telah di-hadhiri oleh kira2 400 orang peserta mewakili 29 buah Negara2 Ahli dan Ahli Bersekutu

dan 20 buah Negara2 Pemerhati, 12 buah daripada Badan2 Antara Bangsa, saperti I.L.O., F.A.O., W.H.O. dan sa-umpamanya serta juga 17 buah pertubohan2 yang lain.

Kerajaan Brunei telah di-wakil2 oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pgn. Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan, Brunei; Yang Mulia

Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Penolong Pegawai Kewangan Negara; Yang Mulia Awang Zakaria bin Haji Sulaiman, Pegawai Pentadbir Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Dato Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei.

Persidangan ECAFE itu telah dibuka dengan rasmi-nya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun, Tsuru Sato,

(Lihat muka 8)

Akhir-nya, Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah dan semua anggota Radio Brunei, kedua dua-nya kepada mereka yang berkenaan dengan rancangan dan mereka yang agak tidak berapa diketahui ramai tetapi sama penting-nya, siapa yang bertanggung-jawab tentang perjalanan teknikal bagi penyiaran dalam Negeri ini, Radio Brunei boleh meninjau kabalakang dengan kepuasan hati kepada perkhidmatan yang semakin cekap yang telah di-berikan dalam masa sepuluh tahun yang lampau dan Beta yakin bahawa Radio Brunei akan terus memberi khidmat kepada Ra'ayat Negeri ini di-tahun yang akan datang. Pada hari Ulang Tahun Yang Ka-Sapuluh ini, Beta mengucapkan ta-tinggi2 muhibbah kepada tuan tuan semua agar dapat mencapai kemajuan penyiaran di-masa hadapan di-Negeri Brunei Darul Salam ini."

KURSUS KERJASAMA PEMIMPIN2 BELIA SA-NEGERI BRUNEI BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Kebajikan Negeri Brunei, Yang Mulia Awang H. M. Salleh telah merasmikan pembukaan Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah, Batu Satu, Jalan Tutong pada pagi hari Juma'at 28 April, 1967.

Turut hadir dalam upacara tersebut ialah Pen. Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pgn. Mohamed Limbang; Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pgn. Damit bin Pgn. Sunggoh; Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awg. Lukan bin Uking; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Negeri dan Daerah; Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awg. Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar serta Pegawai2 Kanan Majlis Belia2 Negeri Brunei dan para jemputan khas.

Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia tersebut diadakan di-bawah anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan di-dokong oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei.

Sa-belum Yang Mulia Awg. H. M. Salleh di-jemput untuk merasmikan pembukaan kursus tersebut, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yusof dan di-turuti dengan ucapan oleh Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Kemudian di-adakan Bacha'an IKRAR BELIA oleh pe-

serta kursus tersebut. Ikrar itu berbunyi:

KAMI BERIKRAR akan menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Negeri Brunei.

KAMI BERIKRAR akan berjalannya di-atas Dasar Kerajaan yang menjamin hak2 seluruh ra'ayat.

KAMI BERIKRAR akan berikhtiar sa-berapa daya yang boleh, akan menchari jalan ka-arrah persatupaduan antara pemuda pemudi dengan tidak mengira bangsa atau keperchayaan masing2.

Upacara tersebut di-akhiri dengan Bacha'an Do'a Selamat oleh Ustadz Ibrahim Jamak dan di-turuti dengan Jamuan Ringan.

Kursus tersebut di-mulai dengan di-adakan Majlis Cheramah pada petang hari tersebut, ia-itu sa-lepas sembahyang Juma'at dan berakhir pada lewat malam 30 April dengan di-adakan temasha Pertunjukan Kesenian dan Kebudayaan yang di-beri nama MALAM SENIRAMA.

Shabash Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei

PASOKAN Hoki Wanita Negeri Brunei telah memperolehi kejayaan yang gilang gemilang dalam Perlawanan Hoki Wanita Wilayah2 Borneo di-Kuching, ibu kota Sarawak, baru2 ini dengan menyandang gelaran sabagai Johan dalam perlawanan tersebut.

Ini-lah kali pertama Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei mengambil bahagian dalam Perlawanan Hoki Wanita itu, yang terdiri dari Pasokan2 Hoki Wanita dari Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah.

Dalam Perlawanan Akhir untuk merebutkan gelaran Kejohanan dalam perlawanan tersebut, Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei telah berjaya mengalahkan Sarawak dengan tiga gol tidak berbalas.

Gol2 yang memberikan kemenangan kepada negeri ini dalam perlawanan tersebut telah di-jaringkan oleh Suzannah Bell dan Margaret Ware. Suzannah telah menjaringkan dua gol, manakala Margaret pula telah menjaringkan satu gol.

Kapada pemain2 dan juga Pegawai2 Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei adalah di-ucapkan sa-tinggi2 tahniah, atas kejayaan Pasokan itu dalam Perlawanan Hoki Wanita Kejohanan Borneo pada tahun ini.

Mudah2an dengan memperolehi latehan2 yang bersungguh2, adalah di-harapkan sa-moga Pasokan Hoki Wanita Negeri Brunei akan dapat mempertahankan gelaran kejohanan dalam perlawanan tersebut pada tahun hadapan dan sa-terusnya berjaya dalam perlawanan itu tahun2 yang akan datang kelak.



Perwakilan dari Majlis Belia2 Negeri Brunei kelihatan dalam gambar ini sa-masa mereka menghadiri Seminar Perhimpunan Belia Sa-Dunia (WAY) di-Singapura baru2 ini. Bilangan ke-dua dari

kiri ka-kanan di-barisan hadapan ialah Awang Md. Taib bin Haji Md. Said; Awang Ya'akob bin Ahmad dan Awang Abdul Razak bin Bendahari Haji Ghafar.



Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Md. Salleh Hidup, selaku wakil Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, kelihatan sedang memberi

ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Kursus Pertanian ahli2 Persatuan Peladang Kampong Lailas Daerah Belait, pada 17 April, 1967.



Gambar ini di-ambil sa-lepas di-langsungkan upacara pembukaan rasmi Kursus Pertanian ahli2 Persatuan Peladang Kampong Lailas, Daerah Belait pada 17 April 1967.

Pimpinan wanita mengenai ekonomi di-dalam Islam

SA-BENAR-NYA saya bukanlah sa-orang Ekonomist atau ahli di-dalam Ilmu Iktisad, tetapi beban ini ada-lah menjadi pikulan dan sa-suatu yang harus di-fikirkan bersama oleh tiap2 sa-orang Islam.

Tajok renchana ini ia-lah bagaimana yang tersebut, bagaimana wanita mengendalikan iktisad-nya mengikut sudut kacamata Islam.

Ekonomi ia-lah daripada bahasa Greek "Ekonomia" asalnya menunjukkan chara melaksanakan perurusan rumah tangga dengan difinisi utama-nya ia-lah wang masuk dan wang keluar yang di-belanjakan bagi di-saibankan dengan keperluan2 dan kepuasan2 yang di-hajatkan oleh anggota2 sa-sa-buah rumah tangga itu.

Kemudian-nya perkataan ekonomi ini menunjukkan chara mengendalikan hasil2 masuk dan keluar ia-itu anggaran belanjawan bagi sa-sa-buah negara dan ra'ayat-nya yang mana ekonomi itu tidak-lah dapat di-pisahkan daripada siasah (Politik).

Keselamatan, kebahagiaan serta kema'amoran sa-buah negara yang besar maupun sa-buah negara yang kecil (Rumah-tangga) tergantung kepada kantong atau peti kewangan-nya, banyak dan besar peruntukan yang di-belanjakan kepada perkara2 yang berfaedah. Akan beroleh-lah keuntungan yang berlipat ganda, ingat-lah yang telah biasa-nya wang yang menelurkan wang.

Tidak-lah rugi sa-suatu pehak yang membeli sa-buah Trektar umpama-nya untuk menggamburkan tanah dengan mengambil masa yang terlalu singkat berbanding dengan menggunakan tenaga manusia yang mengambil masa sa-bagitu lama. Membayar gaji yang lumayan dan tinggi kepada sa-saorang pakar di-dalam sa-suatu ilmu akan beroleh faedah dan munafa'at serta keuntongan lebeh daripada pembayaran yang di-lakukan.

Walhasil-nya Iktisad ia-lah berjimat chermat sa-hingga boleh menchukopi tuntutan yang di-perlukan oleh hidup dengan tidak payah menyusahkan orang lain.

Jika pendapatan sa-saorang \$200.00 pada sa-bulan dan di-belanjakan \$190.00 boleh-lah di-katakan orang ini baik iktisad-nya (wang-nya ada berbaki) dan jika di-belanjakan \$198.00 keadaan-nya ada ditebing sungai, di-dalam kawasan merbahaya, apa tah lagi pendapatan \$200.00 dan di-belanjakan-nya \$210.00 alamat sangsara hidup, sangsara filiran dan sangsara kedudukan, benar-lah bagaimana sabda junjangan besar kita "Iktisad itu sa-paroh penghidupan".

Kira-nya kita pandai men-

jaga ekonomi bererti sa-paroh kehidupan kita telah terpelihara. Hidup ia-lah perjuangan yang penoh dengan pergolakan, jika tidak waspada dan awas, kita akan tewas bagaimana sa-tengah2-nya muflis (Bengkerap-si).

Peranan wanita mengenai ekonomi dalam Islam ia-itu Islam menghendaki segala2-nya sedarhana. Salah satu daripada ka-harusan di-dalam Islam terhadap wanita2 ia-lah berjual dan berkuasa memerehntah harta-nya sendiri.

Perhiasan2 badan untuk wanita yang di-perbuat daripada emas atau perak dan jenis2 permata tidak di-kenakan zakat, ini bererti Islam mengharuskan wanita2 itu berhias dan bersolek dengan barang2 yang mahal nilai-nya dan dengan kebijaksanaan wanita menguruskan rumah tangga-nya di-sertakan dengan jimat chermat-nya dapat-lah ia menagapi-kan sa-bahagian daripada belanja pasar-nya untuk membeli perhiasan diri-nya.

Ekonomi di-dalam rumah tangga boleh di-katakan 80% terletak di-dalam tangan wanita. Jika bijak dan pandai ia menyelenggarakan maka dapat-lah kechukupan. Tiap2 satu mesti-lah ada peruntukan-nya.

Wanita2 Islam boleh menambahkan pendapatan-nya jika ia rajin dan usaha menggunakan kepandaian yang ada pada-nya untuk mendapatkan wang seperti mengambil upah menjahit, membuat kueh2 jualan, mengajar segala pertukangan tangan dengan tidak payah pula keluar daripada rumah, di-samping itu akan dapat meringankan beban yang di-pikul oleh suami-nya. Jika rajin mengueh segala2-nya boleh di-jadikan duit.

Di-negeri 'Mata Hari Terbit' (Jepun) pada masa ini kemajuan ekonomi-nya sangat pesat, tidak ada satu apa pun yang terbuang hinggakan kain burok dapat di-jadikan wang di-buat-nya kertas, besi2 burok di-lebor di-jadikan alatan permainan kanak2. Tanah di-usahakan pada berchuchok tanam, hinggakan tiada lagi bumi yang kosong di-penuhi oleh hutan2 belantara.

Apakala ekonomi sa-sa-buah negara tinggi banyak-lah impian2 yang boleh di-chapai seperti naik ka-angkasa lepas atau menjadi satu kuasa yang terbesar di-dunia. Berbelanja perkara2 yang tidak perlu adalah di-tegah oleh Islam dan di-katakan membazir.

Tiap2 barang yang maseh boleh di-gunakan, maka tidak

Di-susun oleh:

Dayang Sharifah Dorah binte Mohamad

Di-keluarkan oleh:

Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

perlu di-beli lagi yang baharu, umpama setokin yang sudah ada 3 pasang tidak-lah perlu di-tambah sa-pasang lagi. Kain2 baju yang telah di-pakai di-basoh, di-gosok dan di-simpan, ini juga Iktisad. Api (lampu) yang tidak di-gunakan hendaklah di-padamkan, ayer jangan di-biarkan menitis, radio yang tidak hendak di-dengarkan ranchangan-nya di-tutup, ini juga iktisad. Pakaian di-beli dengan memilih mutu-nya (quality) bukan banyak-nya (quantity) harga-nya murah tetapi tidak tahan ini pun soal Iktisad.

Pendek-nya ekonomi rumah tangga kebanyakan-nya diselenggarakan oleh kaum wanita. Berkata ahli hekmat "Jimat dan chermat itu tangga kekayaan".

Di-kehendaki juga hemat chermat itu pada menggunakan perkataan meschaya terpelihara-lah keselamatan diri daripada menerima kechaman dan daripada di-benchi oleh masyarakat, jimat chermat di-dalam menjaga kesihatan, juga di-tuntut umpama-nya di-suroh mengunyah akan makanan sa-hingga cherna (hadzam). Makanan2 yang di-makan mengandongi bahan2 dan zat2 yang di-kehendaki oleh Tohan. Puncta penyakit ia-lah daripada perut dan kepala, segala ubat ia-lah pantang. Jimat chermat mengikut undang2 kesihatan baru-lah mata kita terang dan tidak lekas kabor, tenaga sentiasa chergas dan lain-nya.

Kerap kali dasar ekonomi di-ketepikan dalam masa menja-

lankan upacara atau majlis perkahwinan. Terkadang2 inai di-jari belum lagi hilang pengantin-nya telah purak peranda dan sa-telah beroleh 2 orang chuchu hutang maseh belum jelas dan gadaian belum dapat di-tebus. Ada-lah perbuatan sa-umpama ini di-tegah dan tidak di-galakkan oleh Islam.

Biasa-nya istiadat besar2an ini di-hajati oleh kaum wanita dan jika sa-kira-nya wanita2 sudah ada kasedaran maka kuasa mengubah adat itu dalam tangan mereka. Ini tidak bererti suatu majlis perkahwinan itu tidak boleh di-meriahkan di-masa perkahwinan Rasul Allah dengan Saidina Hadijah juga di-langsungkan sa-chara besar2an dan tidak kurang 10 ekor unta telah di-tumbangkan. Sunat di-adakan walimah (jamuan perkahwinan) itu supaya di-saksikan oleh masyarakat bahawa kedua merpati itu telah menjadi halal dan akan beroleh zuriat dan keturunan yang bersech kelak.

Ada pun upacara 'Akad Nikah itu wajib-lah di-adakan, ini-lah yang di-maksudkan oleh orang tua2 kita "Biar mati anak jangan mati adat". Kerana ada adat2 yang tidak bertentang dengan ugama bahkan chondong kepada-nya sebab itu-lah mereka bersungguh2 mempertahankan.

(Bersambung)

Majlis perjumpaan Persatuan TIBA

KAMPONG SALAMBIGAR. — Persatuan Tiga Kampong Bersatu (TIBA) Kampong Salambigar Jalan Muara, Brunei akan mengadakan satu Majlis Perjumpaan di-Dewan Persatuan TIBA pada jam 4-00 petang hari Juma'at 5 Mei, 1967.

Tujuan di-adakan majlis tersebut ia-lah untuk menguchapkan Selamat kembali ka-Tanah Ayer kepada Pengerusi Tetap Persatuan TIBA, Awg. Ya'akub bin Ahmad, yang telah menghadhiri Seminar Pertubuhan Belia Sa-Dunia (WAY) di-Singapura baru2 ini.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Mei, 1967 hingga ka-hari Selasa 9 Mei, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
3 Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-07	
4 Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-07	
5 Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-07	
6 Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-06	
7 Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-06	
8 Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-06	
9 Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-52	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal Merasmikan Pembukaan Perkhemahan Pengakap Seluruh Negeri Brunei

GADONG. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, yang juga menjadi Yang Dipertua Persatuan Pengakap Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di satu kawasan yang luasnya sepuluh ekar di Batu Empat, Jalan Gadong pada petang hari Jumaat 28 April, 1967. Perkhemahan Pengakap tersebut di-mulai pada hari Khamis 27 April dan di-akhiri pada petang hari Ahad 30 April, 1967, dengan memperolehi hasil yang baik.

Beratus2 orang Pengakap dari seluruh negara, termasuk Pasokan Pengakap Gurkha dari Daerah Belait, iaitu terdiri dari anak anggota2 Pasokan Tentera Gurkha yang berkhidmat di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam Perkhemahan tersebut. Turut mengambil bahagian di-perkhemahan tersebut ialah satu Pasokan Palang Merah Brunei di-bawah pimpinan Penagih Melayu Pertama, Bandar Brunei, di-apa-cha-rah tersebut.

Sa-belum Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal

di-jemput untuk memberi ucapan dan sa-terus-nya merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap tersebut, satu ucapan yang berharga telah di-lafazkan oleh Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata sa-belum beliau merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap tersebut bahawa Pergerakan Pengakap adalah juga berchorak kebangsaan sa-dunia kerana ia mengeratkan perasaan persaudaraan di-antara Pengakap2 sa-dunia dari seluruh dunia dari seluruh bangsa di-dunia ini dan dari segala peringkat dan Ujama.

Dalam ucapan tersebut antara-nya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata: "Pergerakan Pengakap membimbing ahli2-nya supaya menjadi sa-orang manusia yang berguna kepada bangsa dan negara dan latehan2 yang di-jalakan dalam Pergerakan Pengakap itu sangat berguna di-dalam sa-barang apa jua kerja, umpamanya di-lapangan perniagaan, per-tahanan negara, sains dan lain2 ilmu yang di-perlukan oleh sa-buah negara".

Pergerakan Pengakap di-dalam Negeri Brunei, kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, adalah salah satu dari pada cha-bang atau pun ranting Pergerakan Pengakap antara bangsa di-dunia ini.

Beliau berkata lagi bahawa de-wasa ini lebih daripada tujuh puluh buah negara2 yang bebas mempunyai Pergerakan Pengakap dan jumlah bilangan Pengakap seluruh dunia ini adalah lebih

daripada tujuh belas juta orang. Kalau di-bandingkan dengan bilangan sa-belum perang dunia ke-dua lebih kurang delapan juta orang sahaja, maka kita dapat-lah pastikan bahawa Pergerakan Pengakap itu sentiasa bertambah maju dari satu masa ka-satu masa.

Sa-terus-nya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata bahawa Persediaan Pengakap dan Undang2 Pengakap itu wajib di-amalkan, kerana ia-nya pada keseluruhannya mempunyai maksud2 yang positif. Maka dengan sebab itu, Pergerakan Pengakap hanya tertubuh dan di-terima oleh negeri2 yang berfahaman kanan.

Di-negeri2 komisni tidak ada mempunyai Pergerakan Pengakap, kerana sa-bagaimana yang beliau katakan tadi, tujuan Dasar2 Undang2 Pengakap semua-nya positif, maka komisni adalah berfahaman kiri atau negatif.

"Tujuan2 yang elok yang terkandung dalam gerakan Pengakap dan latehan yang sempurna lagi

berkesan yang di-adakan dan di-ajari-nya, menurut Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ia-lah: Melatih murid2 atau kana-k2 supaya menjadi sa-orang pemuda yang sehat badan, sehat fikiran dan kukuh semangat-nya kepada bangsa-nya dan kepada tiap bangsa di-seluruh dunia ini. Pergerakan ini berchorak kebangsaan, kerana tujuan-nya ia-lah memberikan ra-aya2 yang berguna kepada sa-tiap bangsa menerusi Pergerakan2 Pengakap dan Pergerakan2 Pengakap ini juga berchorak antara bangsa, kerana ia tidak memandang kepada apa2 bangsa dalam kumpulan Pengakap, semua-nya bersaudara dan bersahabat.

Sa-lanjut-nya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal menegaskan: "Pergerakan Pengakap tidak berniat sa-kalig hendak melelahkan keperchayaan sa-sa-orang kepada Ujama yang di-anut-nya. Sa-balek-nya mengauatkan lagi keperchayaan sa-orang kepada Ujama-nya dan

Undang2 Pengakap ada-lah menghendaki supaya sa-sa-orang Pengakap itu mengamalkan ajaran2 Ujama-nya dengan tulus ikhlas serta rajin berusaha dan dasar2 perkumpulan2 yang terdiri dari Pengakap ini ada-lah melarang apa2 da-ayah perkauman dalam berbagai2 bangsa dan lapisan sa-saharakat".

Sa-laku Yang Di-pertua Persatuan Pengakap Negeri Brunei, kata laji Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, beliau berasa berbesar hati kerana dapat melibat dan bertemu muka dengan Pengakap2 dari seluruh negara di-Perkhemahan Pengakap di-Gadong pada petang hari itu.

Ketika mengakhiri ucapan beliau sa-belum merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei pada petang hari Jumaat yang lalu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata: "Ini adalah salah satu tujuan yang besar di-dalam pergerakan ini, supaya Awang2 menggunakan kebolehan masing2 dan bekerjasama de-

ngan cha-rah yang teratour.

Sa-lepas merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, dengan di-iringi oleh Pesuruh Jaya Pengakap Sa-Negeri, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan; Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Muara dan Tutong, Awg. Shaha-budin bin Saleh yang juga menjadi Ketua Perkhemahan tersebut dan beberapa orang Pemimpin Pengakap, telah melawat ka-tiap2 Pasokan yang berkhemah dan juga ka-seluruh kawasan Perkhemahan Pengakap tersebut.

Sa-belum berpisah dari Perkhemahan Pengakap tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah di-ra-ikan dengan jaman-jam dalam mana beliau telah bercharamah

dengan Pemimpin2 Pengakap di-Perkhemahan Pengakap tersebut.

Sementara itu, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Negeri Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber, yang juga menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap tersebut pada jam 9-00 pagi hari Ahad yang lalu.

Yang Terutama Awg. Webber telah menulis dalam Buku Pelawat2 bahawa beliau berasa sukachita menguchapkan tahniah kepada semua Pemimpin2 Pengakap dan Pengakap yang telah berusaha untuk menjayakan Perkhemahan Pengakap yang chukok teratour itu.

Perkhemahan tersebut telah berakhir pada petang hari Ahad yang lalu dengan di-adakan upacara penutup dan Majlis Pe-

nyampaian Hadiah2. Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah menutup Perkhemahan Pengakap tersebut dengan rasm-nya. Dan beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada Pasokan2 yang berjaya dan hadiah2 yang lain.

Beratus2 orang lelaki dan perempuan dari berbagai2 bangsa telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap tersebut sa-lama tiga hari perkhemahan itu di-buka kepada orang ramai, ia-tu pada 28 April. Sunggoh pun hujan telah turun pada malam Ahad yang lalu, akan tetapi ramai juga pelawat2 telah melawat ka-perkhemahan tersebut pada malam itu untuk menyaksikan acara2 Ujungun Api yang telah di-adakan dengan memperolehi kejayaan.

Perbarisan tamat latehan Ahli2 Bomba Pelatih

BANDAR BRUNEI. — Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Peker-ma Dewa Awang Lukan bin Uking telah menerima Tabek Kehmormatan dan juga memeriksa Perbarisan Tamat Latehan sa-ramai 40 orang ahli2 Bomba Pelatih Kelas Latehan Kursus Ke-lima di-kawasan Ibu Pejabat Pasokan Bomba di-Bandar Brunei pada ke-lamarin pagi.

Beliau telah di-sambui oleh Penagaw Perkhidmatan2 Bomba Negeri Brunei, Awang Lam So Man ketika tiba di-Balai Bomba tersebut

bersama2 dengan Penolong Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awg. Mohd. Husara bin Mohd. Yusof.

Ahli2 Bomba Pelatih itu telah tamat menghadiri kursus tersebut sa-lama enam bulan di-Ibu Pejabat Perkhidmatan2 Bomba Negeri Brunei. Mereka ada-lah mengandungi Pelatih Timbalan Penagaw Perkhidmatan2 Bomba Negeri Brunei, Awg. Ya'akob bin Haji Md Yusof serta 39 orang ahli2 Bomba, ia-tu 31 orang dari Balai Bomba dan 8 orang yang berkhidmat di-Lapangan Terbang Berakas.

Yang Berhormat O.K.P.D. Awg Lukan telah menyampaikan Chen-denamata kepada Ahli Bomba Pelatih yang terbaik sa-kali, ia-tu

FN. No. 120 Awangku Daud bin Pgn. Tuoh dan juga Sijil2 kepada Ahli2 Bomba yang telah tamat latehan itu.

Kemudian Ahli2 Bomba Pelatih itu telah menjunakkan berbagai2 pertunjukkan, antara-nya ia-lah pertunjukkan memadam api minyak dengan memakai Pemadam Api, cha-rah menyelamatkan orang2 yang terkurung dalam bangunan yang terbakar dan lain2-nya yang menarik hati.

Panchargam Askar Melayu Di-Raja Brunei telah juga mengambil bahagian dalam upacara tersebut dengan bermasuk pada masa Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat O.K.P.D. Awang Lukan sedang memeriksa Perbarisan Tamat Latehan itu.



Sa-bilangan daripada Pegawal2 Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei dan Pemimpin2 Pengakap bergambar ramai dengan Ketua Pengakap Negara, Yang Terutama Awang F. D. Webber (duduk di-tas kanan bilangan ke-empat dari kiri) sa-bagai kenangan lawatan Ketua Pengakap Negara ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada pagi 30 April, 1967.

Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Arjung F. D. Webber yang juga menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei kelihatan sedang memuat-tangani buku pelawat pada masa beliau melawat ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada pagi hari Ahad yang lalu.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun yang juga menjadi Yang Dipertua Persatuan Pengakap Negeri Brunei kelihatan sedang memberi ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada petang hari Jumaat yang lalu.

Benarkah Islam di-siarkan dengan pedang?

(Sambongan dari minggu lalu)

Tegas-nya perjuangan atau pun peperangan haruslah untuk dan kerana Allah semata2, bukan untuk kepentingan diri sendiri atau kerana marah atau kerana alasan lain. Bahkan dalam keadaan bagitu pun Tohan tidak mengizinkan perbuatan melampaui batas, kerana tiap2 usaha melampaui batas tidak di-sukai oleh Tohan.

Selanjut-nya di-terangkan oleh ayat2 tadi bahawa peperangan hanya boleh di-lakukan antara golongan2 yang benar2 berperang. Sama sekali ta' diizinkan serangan atau pembunuhan pada diri orang seorang. Dari ayat di-atas nyata-lah juga bahawa pencherobohan terhadap agama haruslah ditentang dengan perlawanan yang kuat.

Tetapi perjuangan hanya-lah dapat-lah di-teruskan selama berlaku pembunuhan dan aniaya mengenai agama dan belum terchipta kemerdekaan beragama, oleh sebab agama ia-lah bagi Allah semata-mata. Menggunakan kekuatan atau paksa-an mengenai urusan agama amat-lah salah.

Kalau orang2 kafir sudah

memungkinkan hidup beragama sa-chara bebas maka orang Islam pun haruslah berhenti berperang. Senjata hanya-lah di-angkat terhadap mereka yang bersikap aniaya atau melampaui batas.

Tegas-nya dapat-lah di-simpulkan pandangan Qura'an mengenai peperangan sebagai berikut:—

- 1—Peperangan hanya dapat di-lakukan untuk Allah semata-mata dan bukanlah untuk sa-suatu alasan yang mementingkan diri-nya sendiri, juga tidak untuk menchapai kepentingan lain2.
- 2—Umat Islam hanya-lah dapat berperang kalau mereka di-serang
- 3—Umat Islam hanya-lah dapat memerangi mereka yang sedang berperang dengan kita. Tidak-lah dapat kita berperang melawan golongan2 yang tidak ikut dalam perjuangan.
- 4—Bahkan sa-sudah musoh mulai menyerang, ada-lah kewajiban kita membatasi chara berperang pada ukuran2 sewajar-nya. Meluaskan peperangan baik yang mengenai daerah maupun mengenai senjata amat-lah

salah-nya dalam pemandangan Qura'an.

- 5—Kita hanya boleh memeringi atau menentang sa-suatu pasokan musoh yang benar2 masuk dalam ketenteraan. Kita tidak boleh memerangi orang2 lain di-pehak musoh.
- 6—Selama peperangan tidak boleh di-ganggu gugat segala upacara dan ibadat keugamaan. Kalau musoh menghormati atau menjauhkan diri dari tempat2 ibadat, maka orang Islam pun juga tidak boleh bertempur di-tempat itu.
- 7—Kalau musoh menggunakan sa-suatu rumah ibadat sa-bagai pangkalan akan mengadakan serangan maka orang Islam bolehlah membalas serangan itu. Ta' ada sesuatu kesalahan bagi mereka berbuat demikian. Sama sekali ta' di-izinkan menyerang dan membinasakan rumah2 ibadat. Mungkin terjadi bahawa sesuatu tempat ibadat di-gunakan musoh sebagai dasar gerakan2-nya. Sudah tentu perbuatan begini menimbulkan serangan menentang-nya. Tanggong jawab untuk se-

suatu kebinasaan bagi tempat begitu terletak pada musoh, bukan pada orang Islam.

8. Kalau musoh menginsafi bahaya dan kesalahan menggunakan sa-suatu rumah ibadat sa-bagai pangkalan dan mereka mengubah "front" perjuangannya, maka orang Islam pun haruslah menyesuaikan diri dengan perubahan itu.
- 9—Perjuangan hanya-lah dapat di-teruskan selama berlaku terus aniaya2 dan gangguan pada agama dan kemerdekaan beragama. Kalau agama sudah dapat di-anut dengan merdeka dan musoh benar2 memperhatikan, maka dengan sendiri-nya peperangan berhenti.

Demikianlah di-lukiskan Qura'an dengan padat beberapa aturan mengenai peperangan. Yang menarik perhatian kita selanjut-nya dalam ayat2 yang telah kita uraikan itu, ialah bahawa peperangan hanya-lah mungkin antara golongan2 atau bangsa2 yang terlibat dalam pertempuran.

Di-susun oleh:

ABDUL HAMID BIN BAKAL
M.A. (AL-AZHAR)
Di-kuuarkan oleh Badan Penerangan
Agama Islam, Brunei.

AHLI POLIS BARU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang di-bawah Naongan British peranakan Brunei untuk berkhidmat sa-bagai Polis Baru dalam Pasokan Polis Di-Raja Brunei dengan syarat mereka mempunyai keperluan2 berikut:—

Pelajaran — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris;

Umor — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2-nya 5' 2"

Dada — Sekurang2-nya 31" bila tidak menarik nafas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji — \$180/- sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya mestilah bersedia menjalani lathetan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Polis Daerah, Brunei atau Panaga. Borang2 yang sudah di-penohkan hendaklah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Polis, Brunei tidak lewat daripada 7 Mei, 1967.

Permohonan2 untuk Menjalani Lathetan Pegawai Pelukis Di-Muzium Negara, Kuala Lumpur

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-demikian untuk menjalani lathetan sebagai Pelukis di-Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Kelayakan2—Pemohon2 mesti-

lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris atau kelulusan yang bersamaan dengan-nya dan Darjah V Melayu serta telah mengambil perkara Lukisan dalam mata pelajaran sekolah-nya. Mereka mesti-lah berumur di-

/280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tugas2 dan Pengalaman: Menjalankan kerja menangkap ikan dengan menggunakan chara baru serta boleh membaiki semua jenis perkakas2 menangkap ikan. Pemohon2 mungkin di-perlukan membuat kerja2 lain di-Jabatan Perikanan. Pemohon2 mestilah mempunyai pengalaman dalam kerja2 yang berkaitan dengan perikanan.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mei, 1967.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mei, 1967.

Permohonan2 yang mesti di-

JAWATAN2 KOSONG DI-PEJABAT PERIKANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Perikanan, Brunei, yang tersebut di-bawah ini:—

(a) MERINYU PERIKANAN.

Gaji:—Dalam sukatan gaji D.1 - 2 EB 3 - 210x10 - 260/EB/270x15 - 360. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Tugas2: Akan di-tempatkan di-pusat2 perikanan laut dalam Negeri Brunei dan sentiasa memberitahu Pegawai2 Kanan-nya tentang sebarang perkembangan tempat. Pemohon2 mestilah mempunyai pengalaman dalam kerja2 menangkap ikan serta di-kehendaki mengutip data perangkaan. Pengetahuan dalam bahasa Inggeris ada-lah satu keutamaan.

(b) NELAYAN.

Gaji:—Dalam sukatan gaji E.1 - 2 EB 3 - \$200x10 - 270/EB

Perintis Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-demikian bagi memenohi jawatan sebagai Perintis Tingkatan II di-Pejabat Kewangan, bahagian Sukatan dan Timbangan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman—Chalon2 mesti-lah lulus darjah V Melayu dan berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Gaji—Dalam sukatan gaji F.2 EB 3 - \$180x5 - 195/EB/200x5 - 220.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama dengan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Mei, 1967.

Permohonan2 yang mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mei, 1967.



Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking sedang merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Seluruh Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada pagi 21 April, 1967.



Kanak2 dalam gambar ini kelihatan sedang mengambil bahagian dalam lumba lari dalam guni di-temasha Sokan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Tutong I di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Pekan Tutong baru2 ini.




Dayang Masni binte Md. Said dari M.P.M.B. telah berjaya menjadi Jolan Periwanan Buang Peluru Bahagian Perempuan di-temasha Sokan Tahunan P.S.A. Daerah Brunei baru2 ini, dengan menchiptakan rekod yang baru. Masni telah membuang peluru sa-juah 26 kaki 2 inchi. Rekod lama sa-juah 24 kaki 3 1/2 inchi di-chiptakan oleh Afsan Yusur.



Pasokan Brunei Dua kelihatan dalam gambar ini pada masa di-langsungkan upacara Pembukaan Rasmi Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Seluruh Negeri Brunei di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 21 April, 1967.

Satu pemandangan Lumba Lari lompat pagar Bahagian lelaki di-temasha Sokan Tahunan anjoran Persatuan Sokan Amateur Daerah

Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei dalam bulan April yang lalu.



PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah menyeru seluruh umat Islam di negeri ini supaya benar2 berjuang pada meninggikan taraf hidup dan ta'at beramal ibadat saperti yang di-kehendaki uga-ma Islam.

Duli Yang Teramat Mulia menekankan bahawa pergaulan bebas yang di-lakukan sa-hari2 biar-lah di-selaraskan dengan surohan Tohan dan hendak-lah menjauhi segala larangan-nya.

Seruan itu di-buat oleh Duli Yang Teramat Mulia ketika merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Uga-ma Islam Negeri Brunei yang telah di-langsungkan pagi klemarin di-Dewan Majlis Shara'iah Jabatan Hal-Ehwal Uga-ma Bandar Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia menegaskan bahawa Majlis Uga-ma Islam itu ada-lah mempunyai tugas2 yang berat dan memerlukan fikiran2 yang bijaksana pada menegak dan membangunkan shi'ar Islam di-negeri ini.

Selanjut-nya Duli Yang Teramat Mulia menegaskan bahawa Majlis itu sentiasa memberi perhatian yang penoh dan pertimbangan yang sakama dengan berdasarkan keadilan Islam dan menurut undang2 negeri.

Duli Yang Teramat Mulia berseru kepada seluruh ra'ayat supaya memberi sokongan dan kerjasama kepada Majlis tersebut dan juga kepada Jabatan Hal-Ehwal Uga-ma dalam menjayakan tujuan2 yang suci murni itu.

Yang Di-pertua Majlis itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin dalam ucapan alu2an-nya mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan kerana sudi merasmikan pembukaan Majlis tersebut.

Yang hadir dalam majlis itu termasuklah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Shabbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Haji Anak Kamis dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera.

WAY menderma \$1,500 kepada M.B.B.

Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI — Perhimpunan Belia Sa-Dunia (WAY) telah menderma wang sa-banyak \$1,500 kepada Majlis Belia2 Negeri Brunei sa-bagai bantuan untuk melaksanakan Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei baru2 ini.

*Gunakanlah Bahasa
Melayu*



Satu Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Batu Satu, Jalan Tutong sa-lama tiga hari mulai pada 28 April, 1967.

Kursus tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan memperoleh kejayaan.

Dalam gambar ini kelihatan Ahli2 Jawatan2 Kuasa dan para peserta kursus tersebut. — Gambar dengan ehsan Awg. Ali Haji Bakar.

K.P.B. di-kurniakan gelaran "Di-Raja"

BANDAR BRUNEI. — Kelab Penerbangan Brunei telah di-kurniakan gelaran "Di-Raja" baru2 ini oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Dengan itu, kelab tersebut kini menggunakan nama sa-bagai KELAB PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI. Demikian menurut Setia Usaha Pentadbiran kelab tersebut, Pengiran Idriss bin P.K.I. Haji Mohamed.

HARGA BERAS SIAM

BANDAR BRUNEI — Mulai pada hari ini harga beras Siam jenis 3AAA yang di-jual di-kedai2 di-Kuala Belait dan Seria akan di-naikkan kepada \$2.60 sa-gantang. Harga beras Siam jenis yang sama yang di-jual di-kedai2 di-Bandar Brunei, Tutong dan Muara tidak-lah di-naikkan, iaitu \$2.50 sa-gantang.

Wang itu berupa sa-keping "Bank Draft" telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Agong WAY, Awang Jyoti S. Singh kepada Yang Di-pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar di-temasah Penutup Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah pada malam 30 April, 1967. Sementara itu Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yusof, berkata dalam satu pertemuan bahawa M.B.B. Negeri Brunei mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada WAY yang telah menderma wang tersebut untuk faedah belia2 di-negeri ini.

PERSIDANGAN ECAFE DI-TOKYO MELULUSKAN 16 KEPUTUSAN

(Dari muka 1)

Sa-lain daripada mengalu2kan kedatangan para perwakilan ka-persidangan itu, Tuan Sato telah meminta supaya semua negara2 dalam lengkungan Asia dan Timor Jauh dapat memberi kerjasama untuk mengatasi masa'alah2 Ekonomi dan Perkembangan Negara masing2.

Beliau juga menaruh keyakinan beliaiu kepada ECAFE untuk membantu Negara2 Ahli dan Ahli2 Bersekutu dalam menjalankan Rancangan2 Perkembangan dalam segi Ekonomi di-negara masing2.

Turut juga memberi ucapan dalam persidangan tersebut ia-lah Yang Berhormat Menteri Luar Jepun, Tuan Miki dan wakil Peribadi Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Narashiman.

Ketua Rombongan Jepun, Tuan Asaki, telah di-pilih menjadi Penjerusi persidangan tersebut.

Sa-banyak 16 keputusan telah di-luluskan dalam Persidangan ECAFE itu. Di-antara-nya ia-lah:

- (1) Memperingati Hari Ulang Tahun Ke-20 ECAFE dalam mana, semua perwakilan telah menyatakan keyakinan mereka atas kerja baik ECAFE dalam membantu negara2 bagi menjalankan projek2 perkembangan.
- (2) Persidangan tersebut juga telah meluluskan dengan sa-bulat suara kepada apa yang di-namakan "Tokyo Declaration" bagi menunjukkan kemahuan untuk bersatu bagi negara2 yang telah maju dan sedang maju untuk bekerjasama bagi meninggikan taraf kemajuan dalam segi Ekonomi dan Sosial di-kawasan Asia dan Timor Jauh. Keputusan ini juga menunjukkan kemahuan Negara2 Ahli dan Ahli2 Bersekutu ECAFE bagi bekerjasama untuk kebaikan kawasan ini, bukan sahaja dalam lapangan Ekonomi dan Sosial, bahkan juga dalam perkara2 lain yang berkaitan. Ini ia-lah kali yang pertama yang dapat di-ingati dalam masa Negara2 yang telah maju bersedia bekerjasama untuk membantu negara2 yang sedang maju untuk menjayakan Rancangan2 Perkembangan bagi negara2 di-Asia dan Timor Jauh.
- (3) Persidangan itu telah juga meluluskan satu keputusan yang baru berkenaan dengan Perkembangan Industri Kelapa. Dalam membincangkan keputusan ini, Negara2 Ahli dan Ahli Bersekutu telah menyatakan bahawa walau pun kawasan Asia dan Timor Jauh ini banyak terdapat pokok2 kelapa, tetapi belum pernah di-jalankan penyiasatan untuk perkara ini. Ada-lah di-perchayai bahawa dengan tertubuh-nya satu Pusat Penyelidikan yang telah di-chadangkan dalam keputusan ini, sudah tentu perusahaan kelapa akan

bertambah baik.

- (4) Memandang kepada kejayaan Pasar Perdagangan Asia ("Asian Trade Fair") yang pertama di-adakan di-Bangkok dalam tahun 1966, Persidangan ECAFE itu telah meluluskan supaya Pasar Perdagangan Asia yang ke-II patut di-adakan di-Teheran. Iran dalam tahun 1969. Persidangan tersebut menjemput Ahli2 ECAFE dan Ahli2 Pertubuhan Bangsa2 Bersatu untuk memberi sokongan penoh kepada Pasar Perdagangan Asia yang ke-II itu.
- (5) Persidangan ECAFE itu juga telah meluluskan satu keputusan atas kejayaan ECAFE menubuhkan satu Badan Majlis Perkembangan Industri Asia ("Asian Industrial Development Council") dan menaruh kepercayaan bahawa Badan ini akan boleh memberi pertolongan yang penoh kepada Negara2 yang sedang maju untuk menjalankan chara2 Perkembangan Industri masing2.
- (6) Memandang kepada kejayaan Yayasan untuk Perkembangan dan Peranchang Asia ("Asian Institute for Economic Development and Planning"), maka persidangan tersebut telah juga meluluskan supaya Badan ini di-lanjutkan lagi sa-lama lima tahun. Dalam so'al ini, Brunei telah pun menyatakan bahawa Kerajaan Brunei telah pun memberi sumbangan-nya.

Ada-lah di-jangka bahawa Persidangan ECAFE yang ke-24 akan di-adakan di-Canberra, Australia dalam bulan April, 1968.

Dalam Persidangan ECAFE yang telah di-adakan di-Tokyo baru2 ini, Perwakilan Brunei telah mengambil peranan yang aktif, baik dalam persidangan mahu pun dalam pergerakan2 sosial sa-lepas persidangan.

Mashuarat Agong Persatuan "PERDA"

PENANJONG. — Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pgn. Othman bin Pgn. Anak Mohd. Salleh akan merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Pemuda Pemuda Penanjong Tutong "PERDA" Kali Ke-Sembilan pada jam 8-00 pagi hari Juma'at 5 Mei, 1967, bertempat di-Dewan PERDA, Kampong Penanjong.

Majlis tersebut akan di-akhiri dengan Bacha'an Do'a Selamat dan di-turut dengan Jamuan Ringan.